

Headline	Not intended to ignore employees		
Date	22 April 2004		
Media Title	Berita Harian	Section	Local News
Page No	2	Size	6colx10cm

PINDAAN AKTA KESATUAN SEKERJA

Tak bertujuan belakangi pekerja

Eng Hen: Langkah bolehkan kesatuan bergerak, ambil kira kepentingan ahli dan firma

oleh
Chairul Fahmy Hussaini

PINDAAN ke atas Akta Kesatuan Sekerja tidak bertujuan untuk membelakangkan para anggota kesatuan.

Yang lebih penting ialah ia sebenarnya bertujuan memastikan kesatuan terus

dapat bergerak ke depan dengan mengambil kira hasrat dan kepentingan pekerja serta syarikat, kata Pemangku Menteri Tenaga Manusi, Dr Ng Eng Hen.

Pindaan itu membolehkan jawatankuasa eksekutif (eksko) kesatuan berdaftar mencapai Persetujuan Bersama (CA) tanpa perlu pe-

ngesahan anggota biasa.

Menekankan bahawa kepentingan pekerja tidak akan diabaikan, Dr Ng berkata:

"Ia mengeluarkan clemen yang mencabar batas yang telah ditetapkan, iaitu setiap pihak mahukan perjanjian yang baik kerana anda (eksko) harus menentu-

kan apakah yang boleh diterima semasa berdepan dengan pihak pengurusan, dan setelah anda mencapai keputusan itu, ia adalah hala keputusan yang dipilih.

"Pindaan itu bertujuan melancarkan hubungan perindustrian di Singapura dan kerana itu kami meminta ia dilakukan."

Beliau berkata demikian semalam ketika ditemui selepas melancarkan *Gerakan Bertutur Bahasa Inggeris yang Baik* di The Art

House, di bangunan Parlimen lama.

Dalam sidang Parlimen Isnin lalu, beliau berkata pindaan itu adalah bagi mengelakkan daripada berulang pertikaian antara Persatuan Juruterbang Singapore Airlines (Alpa-S) dengan pengurusan Singapore Airlines (SIA).

Amalan Alpa-S sebelum ini tidak melindungi hak dan kepentingan anggotanya kerana ia menyebabkan hubungan dengan peng-

urusan bertambah buruk, katanya.

Mengenai kebaikan pindaan itu, Dr Ng memberi contoh Anggota Parlimen Dicalon (NMP), Encik Nithiah Nandan, yang juga seorang pemimpin kesatuan, yang dipilih memimpin kesatuannya sembilan kali dan berjaya menamatkan 20 CA tanpa perlu kembali kepada anggotanya setiap kali sebelum sesuatu CA dicapai.